

Tukun tiruan bernilai RM41,000 dilabuhkan di Labuan

LABUAN: Sebanyak 14 tukun tiruan terdiri daripada Unjang Buluh dan daun kelapa bernilai RM41,000 dilabuhkan di perairan berdekatan Kampung Tanjung Aru dan Lubok Temiang bagi meningkatkan hasil tangkapan nelayan kedua-dua kampung berkenaan.

Projek di bawah peruntukan Pengurusan Sumber Ikan Lestari itu adalah kerjasama antara Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Jabatan Perikanan.

Menurut LKIM dalam kenyataan Rabu, kedua-dua kampung tersebut dipilih selepas mengambil kira sumbangan nelayan dalam jumlah pendaratan ikan Labuan tahun lepas iaitu 7.6 peratus atau 226,984 kilogram yang bernilai RM1.6 juta.

Tukun tiruan berkenaan adalah bagi membantu memperkayakan hidupan laut di perairan kampung berkenaan, sekali gus mewujudkan lokasi penangkapan tambahan para nelayan.

Itu juga dapat mengurangkan tekanan tangkapan ikan daripada sektor mekanikal dan menyokong perikanan tradisional berskala kecil. —Bernama



TUKUN tiruan sedang dilabuhkan oleh sekumpulan nelayan semasa program itu di Kg Lubok Temiang pada Rabu. — fotoBERNAMA